# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 9 JANUARI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | CAP SHOCKED WHEN SIM TZE TZIN SAYS SHRIMPS RAISING IS SAFE, NEWS, GUANG MING DAILY -A5<br>CAP TELLS PEOPLE TO THINK FURTHER BEFORE CONSUMING ANY SHRIMPS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16B | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3.<br>4. | POK CIK HEBAKI, LOKAL, HM -7<br>OKU TANPA DUA BELAH TANGAN CEKAL USAHAKAN TERNAKAN LEMBU, ASTRO AWANI -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 5.<br>6.<br>7. | MAQIS RAMPAS AYAM SEJUK BEKU, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -36<br>MAQIS RAMPAS LIMAU MANDARIN, SINAR NEGERI P.PINANG/PERLIS, SH -33<br>LIMAU MANDARIN DIRAMPAS, HM -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 8. | SAWAH KERING JEJAS HASIL PADI, NEGERI, HARAKAH -N17 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | CAP shocked when SIM Tze Tzin says shrimp raising is safe | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 09 Jan 2020 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A5 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 124 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,419 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,257 |



# 沈志勤稱養蝦安全 檳消協感震驚

（槟城8日讯）对农业与农基工业部副部长沈志勤指马来西亚养的虾都是安全一事，槟城消费人协会感到震惊。

槟城消费人协会主席莫希丁阿都卡迪说，《星报》报导指美国食品与药物管理局在一些由马来西亚入口的虾中查到过多抗生素，特别是硝基夫喃和氯霉素。

他认为，出现上述情况，农业与农基工业部应该调查，已被我国禁止的硝基夫喃和氯霉素，为何可在市场上买到。

他今日在文告中说，养虾场需大量使用化学品，包括肥料、消毒剂、凝结剂、石灰、饲料添加剂与抗生素（磺酰胺、四环素、奎诺酮类、硝基夫喃和氯霉素）。

他指出，消费人以为海虾是渔船捞捕上岸再推出市场，但现在市场上售卖的虾多数是养的。养虾场会破坏红树林与污染水源。

他说，在此情况下消费人很容易买到含很多化学物残余的虾，且这些化学物不能在短期内消失。

养虾场用的化学品如有机锡化合物、铜及其他化合物，很可能对环境有长期和不利的影响。

他说，其中一些杀虫剂可能会在鱼和其他无脊椎海洋生物的体内累积，结果可能进一步影响非目标生物，对生物链中更高的生物如人类造成威胁。

他指出，由于虾的需求将随华人新年的到来而增加，该会劝告消费人吃虾前三思，不吃虾就不会伤害健康，也不会破坏环境。(CYL)

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | CAP tells people to think further before consuming any shrimps | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 09 Jan 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A16b | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 229 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,568 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,704 |



## “化学物短期内不能消失”

# 槟消协劝吃虾者三思

(槟城8日讯)槟城消费人协会对农业与农基工业部副部长沈志勤的言论感到震惊。“他说，马来西亚养殖的虾都是安全的。”

槟消协周三发文告说，沈志勤在脸书上说渔业局有严格的监督系统监督全国的养虾场。该局经常检查和执法，确保马来西亚的食品安全和出口品质。

“针对《星报》报道说，美国食品与药物管理局已把一些马来西亚虾出口商列入黑名单，因为虾的样本里查到过多抗生素，特别是硝基呋喃和氯霉素。沈氏说，被列入黑名单的公司大多数涉及转运他国产的虾。他还提到该报引述的是美国食品与药物管理局的2009年到2018年的数据。”

消协认为，出现了上述情况，农业与农基工业部应该调查，已经被我国禁用的硝基呋喃和氯霉素，为何在2018年还可买到。

“在2016年，美国政府拒收从马来西亚进口的虾，因为有硝基呋喃和氯霉素。这些虾大多数来自槟州的养虾场。奇怪的是，我国的养虾场在一年内就改用了安全的代替品，使虾变成可安全食用。”

消协说，养虾场大量使用化学品是很多人都知道的事实。所用的化学品包括肥料、消毒剂、凝结剂、石灰、饲料添加剂（如类固醇激素、益生菌、诱食剂）维生素和抗生素（如磺酰胺、四环素、喹诺酮类、硝基呋喃和氯霉素）。马来西亚已禁止养虾场使用硝基呋喃和氯霉素。

“大多数消费人以为海虾是渔船捞捕上岸，包装，然后分销餐馆、超市和其他零售商的。但现在市场上的虾多数是养的。许多消费人不知道养虾场和破坏红树林、污染水、非法养殖水产以及剥削劳工有关。”

### 养虾严重污染环境

槟消协指出，该会最近的调查发现养虾场经常使用抗生素，因为虾容易生病。有时为了避免损失还要提早捉虾，因为所用的药物不能治好虾病。在这种情况下，消费人将会买到含很多化学物残余的虾，因为这些化学物不能在短期内消失。

“根据报道，养虾是规模很大的事业，大部分是在我国的沿海地区。由于养殖的虾需求增加，结果养虾场激增，化学品使用得更多。密集养殖的虾池大概用了2到10年就放弃，因为废物累积和清水减少这些环境问题，造成收获下跌和经济损失。”

该会指出，养虾造成的污染使环境付出很高的代价。例如，在虾苗进池之前，要用许多种杀虫剂来杀死鱼和软体动物，另外还在池里加化学物来控制细菌、真菌感染和寄生虫。这些杀虫剂和化学品也威胁我们的健康和环境。

该会表示，这些化学品对更大范围的环境所造成的影响，大部分还不清楚，因为它们在养虾场的使用缺乏管制和监督。养虾场使用的一些杀虫剂，对鱼和其他水生物是很毒的。这是很叫人担心的，因为大多数养虾场都把没处理过的废水排到附近的水里。

“养虾场用的一些化学品，如有机锡化合物、铜以及其他化合物，对沉淀物有很强的亲和力，留下持久的和有毒的残余物，很可能对环境有长期的和不利的影响。其中一些杀虫剂是能在鱼和其他无脊椎海洋生物的体内累积的，结果可能进一步影响非目标生物，因此对生物链里更高的生物，包括人类，造成威胁。”

由于虾的需求将随华人新年的到来而增高，槟消协呼吁农业与农基工业部检测市上的虾是否含有毒的化学物。该会也劝告消费人吃虾之前三思。#

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/1/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 7 |

# Pok cik hebak!

## *Lelaki lahir tanpa tangan ternak lembu sara keluarga*

**Oleh Hazira Ahmad Zaidi**
cnews@nstp.com.my

**Machang**

Meskipun dilahirkan tanpa kedua-dua tangan, kekurangan itu tidak membataskan lelaki ini untuk melakukan pelbagai kerja demi kelangsungan hidup.

Kecacatan dihidapi Rahim Yusoff, 54, sejak lahir tidak pernah menjadi alasan mengharapkan simpati pihak lain. Sebaliknya kekurangan itu menguatkan semangatnya untuk terus berdikari.

Rahim juga mahu mengubah stigma negatif masyarakat mengenai keupayaan golongan orang kurang upaya (OKU).

Menurutnya Rahim, walaupun cacat kedua-dua tangan, dia bersyukur kerana mempunyai kaki normal yang membantunya bergerak dan mencari rezeki bagi menyara kehidupan bersama isteri, Noraidah Hamzah, 45, yang lumpuh dari paras pinggang ke bawah serta tiga anak berusia tujuh hingga 15 tahun.

"Sebagai ketua keluarga, saya akan berikhtiar melakukan pelbagai kerja bagi menyara hidup menggunakan kudrat yang ada dan selagi mampu saya tidak mahu menyusahkan sesiapa.

"Dengan fizikal yang tidak sempurna, saya menggunakan kemahiran menjahit untuk mengambil tempahan daripada penduduk sekitar dan mampu memperoleh pendapatan RM150 hingga RM200 sebulan bergantung kepada tempahan.

"Memandangkan pendapatan diperoleh tidak menentu, saya juga memelihara dan menjual lembu serta melakukan sistem pawah yang secara tidak langsung menjana pendapatan tambahan," katanya di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong, Pulai Chondong di sini, kelmarin.

Rahim berkata, beban ditanggung sedikit ringan apabila dia dan isteri mendapat bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM400 serta RM250 setiap seorang.

Menurutnya, dia memelihara dan menambah jumlah ternakan, selain turut menjual kepada penduduk sekitar terutama bagi memenuhi permintaan ketika ibadat korban yang dijual RM2,500 hingga RM3,700 seekor dan tahun lalu 10 lembu terjual.

Menurutnya, ketika tragedi bah kuning pada 2014, dia mengalami kerugian RM15,000 apabila 400 itik diternaknya mati termasuk reban musnah dibawa arus banjir.

"Saya akui trauma kerana rugi teruk apabila semua itik yang dipelihara mati. Jika ada rezeki, saya mahu mengusahakannya kembali dalam jangka masa setahun atau dua tahun akan datang," katanya yang juga penerima Anugerah Usahawan OKU Tani.

FOTO: ZAMAN HURI ISA



RAHIM membelai ternakan peliharaannya menggunakan kaki di Kampung Bukit Pangkal Gong, Pulai Chondong. Gambar kecil, Rahim menggunakan mesin jahit menyiapkan tempahan pelanggan

> "Saya bersyukur mempunyai kaki normal yang membantu mencari rezeki sara hidup bersama isteri"
> Rahim Yusoff

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/1/2020 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# OKU tanpa dua belah tangan cekal usahakan ternakan lembu



Biarpun cacat kedua belah tangan, namun ia tidak menjadi alasan untuk terus berpeluk tubuh bagi seorang Orang Kurang Upaya (OKU) Rahim Yusoff, 54, untuk menternak lembu di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong, Pulai Chondong di sini. - Bernama

**MACHANG**: Biarpun cacat kedua belah tangan sejak lahir, namun ia tidak menjadi penghalang bagi Rahim Yusoff, mengusahakan ternakan lembu untuk dijual kepada orang ramai bagi meraih pendapatan menampung keluarganya.

Rahim, 54, berkata dia mula menternak lembu sejak enam tahun lalu bermodalkan RM2,500 dengan membeli seekor lembu bunting daripada seorang penternak lembu di Machang.
"Pada Aidiladha tahun lepas, saya berjaya menjual 10 ekor lembu bagi tujuan ibadah korban sekitar harga RM2,500 hingga RM3,700 seekor untuk memenuhi permintaan penduduk setempat.

"Dengan pendapatan yang diperoleh ini, sekurang-kurangnya ia dapat menampung perbelanjaan kami lima beranak daripada terus menagih simpati dan mengharapkan bantuan orang ramai," katanya kepada pemberita ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong, Pulai Chondong di sini pada Rabu.
Katanya dia kini mempunyai lima ekor lembu iaitu tiga yang dipelihara sendiri manakala dua ekor lagi melalui sistem pawah iaitu milik penduduk kampung itu yang menyuruhnya menjaga ternakan mereka dan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

Bapa kepada tiga anak ini berkata untuk mengelakkan ternakan dijangkiti penyakit yang boleh menyebabkan kematian termasuk penyakit kuku dan mulut, dia akan mendapatkan khidmat veterinar untuk memberi suntikan sekurang-kurangnya enam bulan sekali.

"Bagi makanan, selain memberi palet berharga RM31 untuk 50kg yang hanya mampu bertahan tiga hari, saya juga akan melepaskan lembu di bendang berdekatan, sekitar waktu pagi hingga petang untuk meragut rumput.

"Lembu-lembu ini sudah jinak dan terbiasa dengan rutin harian seolah-olah ia sudah memahami, sekali gus memudahkan saya untuk mengawal walaupun dari jauh," katanya yang cekap menguruskan ternakannya termasuk mencuci kandang dan memberi lembunya makan walaupun hanya menggunakan kakinya.

Katanya sebelum ini dia juga memelihara itik, namun tragedi bah kuning pada 2014 menyebabkannya mengalami kerugian kira-kira RM15,000 apabila 400 itik yang dipelihara mati dibawa arus banjir dan walaupun gagal ketika itu, namun ia tidak mematahkan semangatnya untuk bangkit berusaha dan mencuba nasib dalam bidang ternakan lembu.

Rahim berkata dia dan isteri, Noraidah Hamzah, 45, turut menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM400 dan RM250 setiap seorang.

Katanya, dia juga berharap agar usaha dan kecekalannya itu dapat dijadikan inspirasi dan tidak menjadikan kekurangan diri kepada golongan yang senasib dengannya sebagai penghalang untuk berjaya.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/1/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KELANTAN | 36 |



Anggota Maqis menunjukkan ayam sejuk beku yang berjaya dirampas kelmarin.

# Maqis rampas ayam sejuk beku

**RANTAU PANJANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan merampas ayam sejuk beku bernilai RM104,200 dalam serbuan di Kampung Hutan Puteh, Machang dekat sini kelmarin.

Pengarahnya, Mohd Azam Yahya berkata, dalam serbuan jam 2.45 petang itu pihaknya turut menahan tiga buah lori yang digunakan untuk mengangkut barangan berkenaan.

"Pemeriksaan yang dijalankan ke atas lori berkenaan mendapati ayam sejuk beku itu tidak mempunyai permit import sah daripada Maqis.

"Selain itu, ayam sejuk beku itu tidak mempunyai sijil kesihatan sah dari negara asal," katanya.

Menurutnya, kes tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Katanya, jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya.

Mohd Azam berkata, Maqis Kelantan sentiasa melakukan pemeriksaan dalam memantau aktiviti membawa masuk produk pertanian dan makanan ke negeri ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/1/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI P.PINANG/ PERLIS | 33 |

# Maqis rampas limau mandarin



Sebanyak 71.62 tan metrik limau mandarin dirampas Maqis Pulau Pinang Sabtu lalu.

## Cuba dibawa masuk dari China bernilai RM321,420

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

BUTTERWORTH

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 71.62 tan metrik limau mandarin bernilai RM321,420 di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini Sabtu lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, buah-buahan itu didapati cuba dibawa masuk dari China tanpa mematuhi syarat import menggunakan tiga buah kontena di pangkalan berkenaan.

Menurutnya, selain itu, label pada produk pertanian itu juga didapati tidak mematuhi spesifikasi syarat wajib.

"Kita telah membuat pemeriksaan terhadap tiga buah kontena dan mendapati ia mengandungi 71.62 tan metrik limau mandarin. Selepas pemeriksaan lanjut, kita mendapati produk pertanian itu tidak mematuhi syarat wajib 3P iaitu pelabelan, penggredan dan pembungkusan seperti ditetapkan Maqis dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Pengimport ada mengisytiharkan jenis barangan tersebut tetapi label pada produk tidak mematuhi spesifikasi syarat wajib 3P. Pengimport telah diambil tindakan undang-undang dan diberi peringatan agar mematuhi syarat pengimportan yang ditetapkan," katanya melalui kenyataan media semalam.

Beliau berkata, tindakan mengimport keluaran pertanian tanpa mematuhi syarat import seperti dinyatakan dalam permit, lesen dan perakuan yang sah adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, pengimport boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Kita sentiasa melakukan pemeriksaan di pintu masuk bagi keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara supaya pengimport mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/1/2020 | HARIAN METRO | ONLINE | |

## Limau mandarin dirampas



JABATAN Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk 71.62 tan limau mandarin bernilai RM321,420 di Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth, Sabtu lalu. Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, produk pertanian itu dirampas kerana tidak mematuhi syarat wajib 3P iaitu perlabelan, penggredan dan pembungkusan ditetapkan MAQIS dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Pemeriksaan ke atas tiga kontena di NBCT mendapati limau berkenaan tidak mematuhi syarat wajib 3P, pihak pengimport ada mengisytiharkan jenis barangan itu.

"Tetapi label pada produk tidak mematuhi spesifikasi syarat wajib 3P, dan pihak pengimport yang terbabit diambil tindakan perundangan," katanya.

Zarina berkata, tindakan mengimport keluaran pertanian tanpa mematuhi syarat import seperti dinyatakan dalam

permit, lesen dan perakuan yang sah adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjara selama enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Menurutnya, MAQIS Pulau Pinang sentiasa melakukan pemeriksaan bagi keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara di pintu masuk negara.

Katanya, ia bagi memastikan pengimport mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/1/2020 | HARAKAH | NEGERI | N17 |

# Sawah kering jejas hasil padi



Keadaan sawah kering kontang di Kangar.

**Oleh NOOR SARA MASHITOH**

**KANGAR:** Pesawah di sini berharap kerajaan mengambil tindakan segera bagi menangani kemarau panjang sehingga menyebabkan bendang menjadi kering.

Seorang petani Halid Sabu berkata, pesawah berharap ada langkah yang diambil kerajaan kerana kemarau sekarang menjejaskan hasil padi.

"Pesawah sangat mengharapkan kerajaan melalui Kementerian Pertanian ikhlas membantu pesawah yang terlibat," kata seorang lagi pesawah Shamsuri Saad.



Halid Sabu



Samsuri Saad

Menurutnya seramai 337 pesawah yang melibatkan 496 hektar tanaman padi di Paya dan Jejawai Dalam berdepan dengan tanah sawah yang semakin kering sehingga merekah.

Kata mereka keadaan sistem perparitan yang tidak sempurna menyebabkan air sukar sampai ke sawah.

Baru-baru ini Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Salahuddin Ayub menjanjikan menyelesai isu tersebut secepat mungkin termasuk melakukan pembenihan awan.

Bagaimanapun ramai pesawah bimbang terhadap janji menteri terbabit memandangkan isu baja subsidi dan benih padi berlarutan begitu lama.